

Aktiviti 5a

Isi tempat kosong dengan kata arah yang betul.

Beriadah untuk Kecergasan

Di _____ (segi/antara) rumah Rizan dengan rumah Arif, terdapat sebuah taman permainan. Mereka suka beriadah di situ.

Di _____ (tengah/belakang) padang, terdapat pelbagai alat permainan. Rizan suka bergayut pada palang besi, dari kiri ke _____ (kiri/kanan) palang. Arif pula suka bermain di _____ (bawah/atas) papan gelongsor.

Kadang-kadang, mereka bermain di trek. Trek itu terletak di _____ (tepi/sisi) taman. Mereka akan berlumba lari dari _____ (sudut/hujung) trek ke hujung trek yang lain. Mereka juga bermain kejar-kejar di _____ (penjuru/keliling) taman.

Aktiviti-aktiviti itu dapat mencergaskan badan mereka. Mereka juga ceria apabila melakukan aktiviti di _____ (luar/dalam) rumah.